



## PENETAPAN TARIKH KUMULATIF (CUMULATIVE DATE) DAN TARIKH LUPUT (EXPIRY DATE) PENGAGIHAN PENDAPATAN BAGI PMB SUKUK FUND

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Sila ambil maklum tarikh pengagihan pendapatan bagi PMB Sukuk Fund adalah pada 30 November setiap tahun. Sehubungan itu, ingin di nyatakan bahawa Tarikh Kumulatif (*Cum-Date*) dan Tarikh Luput (*Ex-Date*) bagi pemegang-pemegang unit menerima pengagihan pendapatan dana unit amanah adalah seperti berikut:

**Tarikh Kumulatif (*Cum-Date*)** adalah tiga (3) hari perniagaan sebelum tarikh Akhir Tahun Kewangan dana.

Pemegang-pemegang unit yang telah berdaftar dan pemegang unit baru yang membuat serahan transaksi sebelum jam 3.00 petang pada tarikh tersebut layak menerima agihan pendapatan (sekiranya ada). Semua transaksi yang diterima selepas jam 3.00 petang pada *Cum-Date*, dikira sebagai transaksi hari bekerja berikutnya.

**Tarikh Luput (*Ex-Date*)** adalah satu (1) hari perniagaan selepas Tarikh Kumulatif.

Pemegang-pemegang unit yang berdaftar selepas jam 3.00 petang pada *Cum-Date* dan pada *Ex-Date* adalah tidak layak menerima agihan pendapatan yang di isytiharkan untuk Akhir Tahun Kewangan tersebut.

### **Penetapan Tarikh bagi PMB Sukuk Fund:**

<b>Akhir Tahun Kewangan Dana</b>	:	<b>30 November 2023</b>
<b>Tarikh Kumulatif (<i>Cum-Date</i>)</b>	:	<b>27 November 2023</b>
<b>Tarikh Luput (<i>Ex-Date</i>)</b>	:	<b>28 November 2023</b>

Semua transaksi yang di terima di antara Tarikh Luput dan Akhir Tahun Kewangan akan diproses seperti biasa iaitu:

- 1) Permohonan Pelaburan Baru (*New Application*)
- 2) Permohonan Tambahan Pelaburan (*Additional Purchase*)
- 3) Belian balik/ Penebusan Dana (*Repurchase*)
- 4) Penukaran Unit Dana (*Switching*)
- 5) Pemindahan Unit Dana (*Transfer*)

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila berhubung dengan Unit Perkhidmatan Pelanggan di talian 03-4145 3900 pada waktu Pejabat dari jam 8.30 pagi hingga 5.30 petang , Isnin hingga Jumaat atau emel ke *clients@pelaburanmara.com.my*

*Nota:*

*Cum-Date* - *Cumulative Date*

*Ex-Date* - *Expiry Date*

*Tarikh: 23 November 2023*